

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RPK 323 – PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

BAHAGIAN A (Sila jawab SEMUA SOALAN • 30 Markah)

1. Pada masa dahulu, orang-orang Greek melancong untuk tujuan-tujuan berikut, kecuali
 - a. Sukan
 - b. Keagamaan
 - c. Budaya, pesta
 - d. Perniagaan
2. Yang manakah di antara berikut bukan menceritakan tentang Shirakawa Go ?
 - a. Ia sebuah kota yang terkenal dengan ciri-ciri keagamaan
 - b. Bandar ini merupakan bandar sains yang terkemuka di Jepun
 - c. Kampung ini merupakan kampung tradisional yang dipelihara sebagai aset warisan dunia.
 - d. Kampung ini turut mempromosikan kempen u-turn untuk menggalakkan kembali ke desa
3. Fenomena '**kayu menjadi batu**' telah dijadikan aset pelancongan di:
 - a. Pueblo Del Arroyo
 - b. Petrified Forest
 - c. Chaco Canyon
 - d. Sante Fe
4. San Marino adalah sebuah negara yang terletak di dalam Itali. Produk pelancongan yang unik di San Marino ialah:
 - a. Hasil sulaman (lace)
 - b. Telur yang direbus dalam air gunung berapi
 - c. Kapal selam perang
 - d. Cop visa pelancong

5. Berikut adalah strategi-strategi pemeliharaan produk pelancongan yang dilakukan di seluruh dunia. Yang manakah di antara kenyataan berikut tidak benar ?
- Di Brugge, pembangunan hanya dihadkan dibahagian hadapan bangunan
 - Di Taos dan Santa Fe, hanya senibina Anglican dan Spanish sahaja dibenarkan
 - Di Thailand, hanya barang-barang keluaran tempatan sahaja dijual di pasar air mereka
 - Di Itali, penduduk mlarang pelancong memasuki lorong-lorong dalam kawasan perumahan mereka
6. Strategi pelancongan negara melibatkan perkara-perkara berikut, kecuali:
- Membangunkan produk-produk semulajadi dan budaya
 - Meningkatkan dayasaing Malaysia dalam kalangan negara Asean
 - Menyediakan dan mengukuhkan latihan sumber manusia
 - Menyediakan tempat menginap yang termampu
7. Jika mengikut teori Plog (1974), Tibet dan Nepal selalunya popular dalam kalangan pelancong jenis:
- Psychocentrics
 - Midcentrics
 - Allocentrics
 - Near Psychocentrics
8. **Salah-satu** dari berikut BUKANNYA ciri utama pelancongan belia seperti yang dicadangkan oleh Aramberri, 1991:
- Belanjawan yang rendah
 - Waktu melancong yang fleksibel
 - Tidak gemar melibatkan diri
 - Suka lasak dan meneroka
9. Kenyataan berikut adalah kurang tepat mengenai perkembangan pelancongan di Malaysia:
- Wujud keseimbangan dalam aliran kedatangan pelancong antara semenanjung dan Sabah dan Sarawak
 - Negara-negara Eropah merupakan penyumbang utama pelancong **asing** ke negara **ini**
 - Pembangunan pelancongan di Pantai Timur Semenanjung terhad oleh masalah kemudahsampaian
 - Kerajaan mula serius mengenai sektor pelancongan sejak tahun 70an lagi.

10. Dalam kajian mereka ke **atas** kesan pembinaan lebuh raya PLUS ke atas pembangunan produk pelancongan tempatan, Badaruddin, Rahmat dan Hassim (2000) mendapati perkara-perkara berikut, KECUALI:
- Pengguna PLUS tidak berminat untuk meneroka kawasan-kawasan terpencil
 - Pengguna PLUS sering kehilangan peluang untuk menikmati produk-produk pelancongan tempatan
 - Sistem maklumat pelancongan di **atas** Lebuhraya PLUS tidak disediakan dengan mengukupi
 - Penduduk tidak diberi ruang yang mengukupi untuk memasarkan produk mereka
11. Menurut Krippendorff (1986), konsep pelancongan mampan bermula dari:
- Gerakan hijau
 - Tekanan dari kemusnahan sumber di negara maju
 - Kegiatan golongan peneroka yang semakin meluas
 - Peranan media **massa** dan kemajuan IT
12. Di negara-negara membangun khususnya, penyertaan penduduk tidak dipraktiskan BUKAN kerana:
- Ia** menyusahkan
 - Sukar mendapat perwakilan yang **adil**
 - Dianggap tidak penting
 - Mungkin** memakan masa
13. Kenyataan berikut tentang Pelancongan Warisan di Pulau Pinang adalah kurang tepat:
- Akta kawalan **Sewa** telah menyebabkan penduduk **banyak** berpindah keluar
 - Keunikan masyarakat yang terdapat di George Town diketengahkan sebagai **aset** utama
 - Penang dan Melaka telah disenaraikan sebagai bandar warisan oleh Unesco
 - Masjid Kapitan Kling diasaskan oleh Cauder Hohudeen
14. Faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan orang Jepun untuk melancong tidak termasuk:
- Peningkatan pendapatan
 - Wujudnya destinasi-destinasi baru yang menarik
 - Meningkatnya masa lapang dalam kalangan golongan pekerja
 - Pertumbuhan ekonomi Jepun yang pesat

15. Ciri 3-C yang terdapat di sesebuah destinasi amat penting kepada golongan pelancong Jepun. 3-C merangkumi:
- | | | | |
|---------------|------------------|------------|-----------|
| I. Casual | 11. Convienience | 111. Cheap | IV. Close |
| a. I, 11, 111 | | | |
| b. I, III, IV | | | |
| | 11,111, IV | | |
| 8 | I, 11, IV | | |
16. ‘Klustering’ merupakan prinsip penting pembangunan resort dan mempunyai kelebihan-kelebihan berikut:
- I. Menjimatkan ruang
 - II. Memudahkan pengurusan
 - III. Meningkatkan kemudahsampaian
 - IV. Menjimatkan kos
- a.
 - b. I, II, III, IV
 - c.
 - d. II, III, IV
17. Kemuncak KETIGA pelancongan di Jepun berlaku selepas
- a. Ekspo Perdagangan Dunia di Osaka
 - b. Jet Jumbo diperkenalkan
 - c. Yen meningkat terhadap Dollar Amerika
 - d. Melancong mula dibenarkan di kalangan rakyat Jepun
18. Contoh faedah ekonomi sampingan (kedua) yang terhasil dari pelancongan adalah:
- a. Hasil jualan kraftangan
 - b. Penarik beca menerima pelawat asing
 - c. Cukai yang dikutip pihak Kerajaan
 - d. Peluang kerja yang bertambah di hotel-hotel
19. Di peringkat antarabangsa, Malaysia pemah dipromosikan sebagai
- I. sebuah negara tropika
 - II. sebuah negara bersih
 - III. sebuah destinasi pelbagai
 - IV. sebuah negara Islam
- a.
 - b. I, II, III, IV
 - c. I, III, IV
 - d. I, II, III, IV

20. Kenyataan berikut adalah kurang tepat mengenai IMEJ:
- Selalunya pelancongan lebih cenderung untuk melawat tempat yang kenalinya
 - Imej organik diperolehi dari poster dan iklan
 - Cabarani Malaysia untuk mengujudkan imej yang unik adalah kewujudan pelbagai masyarakat yang mempunyai pelbagai identiti
 - Berbanding dengan negara-negara Asean yang lain, Malaysia mempunyai kelebihan dari aspek **alam** semulajadinya
21. Menurut Kotler & Amstrong (1991), servis **amat** sukar untuk diistilahkan kerana perkara-perkara berikut, KECUALI:
- Ia tidak boleh dipisah-pisahkan dan dikeluarkan untuk digunakan pada waktu yang **sama**
 - Tidak boleh disimpan untuk ditawarkan pada masa depan
 - Tidak nyata
 - Telus
22. Keupayaan menampung dipengaruhi oleh:
- latarbelakang pelancong
 - karektor destinasi
 - sikap penduduk
 - tahap pembangunan pelancongan
 -
 - I,II,III,IV
 -
 - II,III,IV
23. Dasar Pelancongan Kebangsaan **TIDAK** melibatkan perkara berikut:
- Melibatkan pihak swasta dalam penyediaan prasarana pelancongan
 - Pembangunan pelancongan domestik
 - Memperluaskan produk-produk pelancongan
 - Pengukuhan institusi
24. Sistem pelancongan melibatkan dua perkara utama iaitu:
- Pengangkutan dan penginapan
 - Imej dan keputusan melancong
 - Promosi** dan pemasaran pelancongan
 - Tempat **asal** dan destinasi pelancong

25. **Mercu** tanda yang mesti dilawati oleh mereka yang melawat Kuala Lumpur pada tahun 70an dahulu ialah:
- Zoo Negara
 - Chow Kit Road
 - Istana Negara
 - Tugu Negara
26. Tahun Melawat Malaysia yang pertama diadakan **pada** tahun:
- 1972
 - 1990
 - 1994
 - 1998
27. **Menurut** United Nations, apakah kategori umur pelancong belia ?
- ~~13~~ 14 hingga 25 24 tahun tahun
 - hingga
 - ~~15~~ 16 ~~hingga~~ 26 24 tahun tahun
28. **Bagi** Negara Qatar, pelancongan Berkualiti bermaksud:
- Pelancongan yang mengutamakan kualiti produk-produk yang ditawarkan
 - Pelancongan yang ditumpukan kepada segmen pelancong yang berpendidikan tinggi
 - Pelancongan tertumpu kepada segmen pelancong berpendapatan tinggi
 - Pelancongan tertumpu kepada golongan pelancong alternatif
29. Membakar **hutan amat** penting kepada penduduk asli Australia. Aktiviti ini bertujuan:
- Sebagai obligasi sosial
 - Membuka jalan baru
 - Alat komunikasi
 - Mengawal kebakaran
- ~~I, II, III~~ sahaja
 - ~~I, II, III, IV~~ sahaja
 - ~~I, II, III, IV~~ sahaja dan IV

30. Apakah manfaat yang diperolehi dari aktiviti pelancongan di kalangan belia ?
- i. Memudahkan proses pembelajaran
 - ii. Menambah pengetahuan sedia ada di dalam sesuatu bidang
 - iii. Memberikan pengetahuan yang tidak boleh dipelajari di sekolah atau tempat kerja
 - iv. Menghabiskan wang
- a. i sahaja
 - b. i dan ii sahaja
 - c. i, ii dan iii sahaja
 - d. i, ii, iii dan iv.

BAHAGIAN B (Jawab LIMA soalan sahaja 40 MARKAH)

1. Apa yang dimaksudkan ‘Hilang Karektor’ dalam konteks kesan pelancongan ?
(8 MARKAH)
2. ‘Neo kolonisma’ bermaksud?
(8 MARKAH)
3. Terangkan secara ringkas bagaimanakah kemajuan IT mempengaruhi pelancongan?
(8 MARKAH)
4. Bincangkan dengan ringkas EMPAT (4) karektor tempat yang boleh mempengaruhi pelancongan.
(8 MARKAH)
5. Apa itu ‘Yen Daka’ dan terangkan pengaruhnya terhadap sistem pelancongan.
(8 MARKAH)
6. Bincangkan dengan ringkas dua langkah penting yang dijalankan oleh pentadbir Taman Negara Australia untuk memelihara Taman Negara di Australia.
(8 MARKAH)
7. Apakah konsep pelancongan alternatif, dan apakah benar pelancongan alternatif itu mampan?
(8 MARKAH)

BAHAGIAN C (Jawab SEMUA soalan sahaja 30 MARKAH)

- I. Pendekatan Perancangan Integrasi merupakan **salah** satu pendekatan yang terkini. Terangkan ciri-ciri yang terdapat dalam pendekatan **ini**.
(15 MARKAH)
- II. Bincangkan reaksi penduduk terhadap pertumbuhan dan masalah-masalah yang wujud akibat pertumbuhan pelancongan di sekitar mereka. Kaitkan perbincangan anda dengan model evolusi destinasi pelancongan
(15 MARKAH)

- 000000000 -